

# UMP jalin kerjasama dengan MDEC

Forum bertajuk 'University Industry Commercialisation Collaboration Forum' (UICCF) diharap dapat menjadi satu saluran kepada produk-produk yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Kejuruteraan Perisian UMP dengan kerjasama Malaysia Development Corporation Sdn Bhd itu telah dirasmikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Safian Ismail.

Pengarah Pusat Hubungan Universiti Industri (UIC), Mohd Noor Nawi berkata, forum berkenaan diharap akan menjadi satu saluran kepada produk yang berpotensi untuk dikomersialkan sebagai satu produk UMP, sekali gus mengangkat nama UMP sebagai sebuah universiti teknikal yang terulung.

"Saya amat berharap agar lebih banyak kerjasama di antara pihak universiti dan MDEC dapat diadakan pada masa akan datang. Sumbangan besar pihak industri terutamanya sektor korporat seperti MDEC memang dialu-alukan.

"Melalui penganjuran forum sebegini akan memberi peluang kepada penyelidik, pensyarah dan pelajar untuk bekerjasama dengan pihak MDEC sekali gus memberi ruang baru kepada mereka untuk memperoleh pandangan dan nasihat tentang peluang serta langkah

■ ERMA YUSNIDA JUSOH

**KUANTAN** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mewujudkan satu jalinan kerjasama dengan Malaysia Development Corporation Sdn Bhd (MDEC) yang akan memberi banyak faedah kepada penyelidik dan pensyarah UMP khasnya dan pelajar UMP amnya.

Forum kerjasama pengkomersialan yang pertama kali diadakan bertajuk 'University Industry Commercialisation Collaboration Forum' (UICCF) anjuran bersama Pusat Hubungan Universiti Industri dan Fakulti Sistem Komputer dan

**Peranan UMP sebagai pemaju hub pendidikan harus diterima baik dengan usaha-usaha berterusan terutama melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara kerjasama dengan syarikat korporat. Ini akan memastikan inovasi yang wujud tidak terbengkalai atau tidak dikomersialkan dengan sewajarnya."**

■ Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Safian Ismail



Sebahagian mahasiswa sedang mendengar forum pada majlis tersebut.

pengkomersialan dan juga dana penyelidikan yang sedia ada," katanya.

Muhammad Safian juga turut menyokong program berkenaan kerana ia dapat memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negeri Pahang.

"Peranan UMP sebagai pemaju hub pendidikan harus diterima baik de-

ngan usaha berterusan terutama melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara kerjasama dengan syarikat korporat.

"Ini akan memastikan inovasi yang wujud tidak terbengkalai atau tidak dikomersialkan dengan sewajarnya," ujarnya.

Forum berkenaan tu-

rut menyaksikan lima kumpulan pelajar tahun akhir Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian membentangkan hasil penyelidikan mereka dan ini dapat membantu penyelidik dan pelajar UMP dalam usaha mengetengahkan projek penyelidikan mereka yang berpotensi.